

21 JAN 2003

Ghani-Ikan

JOHOR KELUARKAN RM500 JUTA IKAN MENJELANG 2005

PASIR GUDANG, 21 Jan (Bernama) -- Johor bakal menjadi pengeluar ikan ternakan dalam sangkar terbesar di Malaysia dengan penghasilan 150,000 tan dan bernilai RM500 juta menjelang 2005, kata Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman.

Katanya, kerajaan negeri mengenal pasti 8,400 hektar kawasan muara Sungai Johor di sini yang sesuai dibangunkan sebagai Zon Industri Akuakultur (ZIA) selain 1,000 hektar di Sungai Kulai di Johor Baharu dan 1,600 hektar di Sungai Balang, Muar.

"Pada tahun 2001 kita telah menghasilkan 21,000 tan metrik ikan secara akuakultur bernilai RM160 juta dan kita jangka sasaran pengeluaran 150,000 tan metrik ini yang bernilai RM500 juta dapat dicapai dalam tempoh dua tahun ini," katanya pada sidang media di jeti Kong Kong dekat sini, hari ini.

Sebelum itu beliau yang diiringi anggota exco dan pegawai Jabatan Perikanan meninjau beberapa sangkar ikan utama di muara Sungai Johor, yang memernak ikan berkualiti seperti Siakap Putih dan Merah, Kerapu, Bawal, Jenahak, Gerong-gerong, Merah, Senangin dan Bekil yang banyak permintaan pasarannya.

Katanya, selain menambah bilangan 200,000 sangkar ternakan akuakultur yang sedia ada, Johor juga akan meningkatkan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) khususnya dalam teknologi penghasilan anak-anak ikan yang kini 90 peratus diimport dengan nilai RM40 juta setahun.

Abdul Ghani berkata pada masa ini Johor menggunakan hanya 10 peratus daripada jumlah keluasan sungai dan muaranya yang didapati paling sesuai untuk industri akuakultur.

"Menjelang 2005 kita bukan sahaja akan menjadi negeri pengeluar bahan makanan iaitu sayur-sayuran dan buah-buahan, ayam daging dan telur yang utama di Malaysia tetapi juga ikan akuakultur," katanya.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkan projek ladang bersepadu terbesar di negara ini seluas 4,800 hektar di Air Hitam, yang akan mengeluarkan buah-buahan, sayur-sayuran dan ternakan bagi menampung keperluan dalam negara dan juga eksport.

Sehubungan usaha Johor menjadi pengeluar bahan makanan dan ikan yang terbesar, Abdul Ghani berharap pengeluarannya kelak cukup efisien sehingga membolehkan bahan makanan termasuk ikan akuakultur yang popular sekarang, dijual kepada pengguna dengan lebih murah.

Beliau berkata bagi industri akuakultur, kerajaan tidak mengenakan sebarang cukai kecuai memerlukan permit Jabatan Perikanan dan seharusnya insentif serupa itu direbut oleh sektor swasta, apatah lagi dengan bantuan R&D agensi kerajaan.

"Kerajaan Negeri juga suka untuk melihat lebih banyak institusi kewangan tampil mempermudah pinjaman modal dan operasi kepada pengusaha swasta yang ingin melabur di bidang ini

Abdul Ghani berkata kerajaan negeri juga mengambil pelbagai langkah bagi memastikan kawasan-kawasan ZIA terhindar daripada pencemaran industri dan domestik dan bebas daripada laluan kapal dagang.

-- BERNAMA

MNY MNY HM